

19/03/2003

`Sejarah kegagalan Liga Negara-Negara akan berulang'

Mustapa Omar

BRASILIA (Brazil): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa sejarah kegagalan Liga Negara-Negara akan berulang jika Amerika Syarikat terus mengeneipikan pandangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam isu serangan terhadap Iraq.

Perdana Menteri berkata, jika keadaan itu berlaku ia akan meninggalkan kesan yang serius kerana tidak ada lagi ruang bagi perundingan di kalangan negara dalam menguruskan dunia.

"Kita tahu bahawa (bekas Presiden Amerika) Woodrow Wilson yang memperkenalkan idea Liga Negara-Negara itu, tetapi apabila Amerika sendiri bertindak mengeneipkannya dan mengundurkan diri, gagasan itu juga turut berkubur.

"Oleh itu, saya amat berharap Amerika dapat memikirkan dengan serius kesan terhadap cadangannya meneruskan serangan ke atas Iraq tanpa kelulusan Majlis Keselamatan PBB itu," katanya pada sidang media di sini kelmarin.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva, diikuti mesyuarat delegasi dan majlis makan tengah hari di Istana Itamaraty, di sini.

Pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin berkenaan sependapat bahawa tidak ada tindakan sepihak boleh dilakukan dalam menyelesaikan sebarang krisis yang berlaku di seluruh dunia, termasuk isu Iraq.

Malah, ketika berucap pada majlis makan tengah hari itu Presiden Lula mempertahankan orde dunia yang demokratik dan mahu semua pihak memperkukuhkan semangat pelbagai hala yang diamalkan PBB.

Liga Negara-Negara yang menjadi pencetus kepada penubuhan PBB, bertanggungjawab menguatkuasakan perjanjian dan mengelak daripada berlakunya perang pada masa itu, malah Wilson ketika itu cukup yakin liga berkenaan akan dapat bertindak dengan berkesan.

Kelmarin, Presiden George W Bush memberi tempoh 48 jam kepada Presiden Saddam Hussein untuk meninggalkan Iraq bersama anak-anak lelakinya sebelum Amerika melancarkan serangan ke atas negara itu.

Sambil menolak hujah beliau bertindak tanpa alasan sah, Bush mempertahankan haknya untuk menyerang Iraq tanpa kebenaran khusus daripada Majlis Keselamatan PBB.

Presiden Russia, Vladimir Putin, pula dilaporkan berkata peperangan ke atas Iraq yang diketuai Amerika adalah satu kesilapan yang akan membawa padah amat buruk, termasuk menyebabkan banyak kematian serta menjejaskan kestabilan antarabangsa.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Brazil, mengunjungi syarikat pembuat pesawat Embraer dan syarikat pembuat senjata, Avibras Aeroespacial, di San Jose, dekat Sao Paulo.

Ditanya mengenai kesan serangan Amerika dan sekutunya terhadap Iraq di kalangan negara Islam, Perdana Menteri berkata, negara Islam tidak boleh berbuat apa-apa kerana mereka lemah dan perang itu juga tidak akan menguntungkan sesiapa.

"Bagaimanapun, serangan itu mungkin menyebabkan umat Islam marah dan bertindak balas. Kita tidak dapat menghalang jika ada di antara mereka melakukan sesuatu di luar dugaan seperti meletupkan bom atau menembak orang lain," katanya.

Mengenai usaha untuk menghalang Amerika daripada menyerang Iraq, Dr

Mahathir berkata, satu cara yang boleh dilakukan ialah dengan mempengaruhi rakyat Amerika sendiri yang sebahagian daripadanya menolak peperangan.

Katanya, langkah itu boleh dilakukan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan menggunakan rangkaian atau rakan mereka di Amerika supaya mendesak kerajaannya menyerang Iraq.

"Usaha ini mungkin lebih sesuai kerana ketika Perang Vietnam, Amerika akhirnya terpaksa berundur selepas mendapat tekanan daripada orang ramai, termasuk pandangan dari kalangan orang awam dan NGO," katanya.